

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHG 343 - Geografi Ekonomi

Masa : [3 jam]

Anda diperlukan menjawab EMPAT (4) soalan. Jawab soalan no. 1 (soalan WAJIB) daripada BAHAGIAN A dan mana-mana TIGA (3) soalan daripada BAHAGIAN B. BAHAGIAN A diperuntukkan 40 markah dan BAHAGIAN B diperuntukkan 60 markah.

BAHAGIAN A (40 markah)

1. Pilih dan jawab secara ringkas tentang LIMA (5) soalan berikut :-
 - (a) Bagaimanakah Geografi Perdagangan bertukar menjadi Geografi Ekonomi?
(8 markah)
 - (b) Mengapakah Geografi Ekonomi menjadi semakin popular selepas Peperangan Dunia Pertama?
(8 markah)
 - (c) Bandingkan pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam Geografi Ekonomi dalam tahun-tahun sebelum dan selepas 1960.
(8 markah)
 - (d) Apakah yang dimaksudkan dengan "Struktur Keruangan"?
(8 markah)
 - (e) Apakah perbezaan skala reruang?
(8 markah)
 - (f) Bagaimanakah kaedah kelebihan bandingan memainkan peranannya terhadap organisasi reruang?
(8 markah)
 - (g) Apakah kategori bahan-bahan sumber?
(8 markah)

...2/-

BAHAGIAN B (60 markah)

2. Bincangkan kepentingan Geografi Ekonomi yang sebahagiannya mengkaji tentang organisasi reruang dan pertumbuhan sistem-sistem ekonomi. Gunakan contoh-contoh tertentu.
(20 markah)
3. Mengapakah sejak kebelakangan ini, penekanan terhadap aspek-aspek bahan-bahan sumber mendapat perhatian di kalangan negara-negara sedang membangun? Bincangkan dengan merujuk contoh-contoh tertentu.
(20 markah)
4. Penyediaan kemudahan rangkaian pengangkutan yang mencukupi merupakan faktor utama dalam meningkatkan proses pembangunan sesebuah negara sedang membangun. Bincangkan dengan merujuk contoh-contoh tertentu.
(20 markah)
5. Mengapakah terdapatnya penempatan sesetengah industri yang lebih cenderung untuk memusat secara berkelompok, manakala yang lainnya tersebar secara meluas? Bincangkan dengan merujuk contoh-contoh tertentu.
(20 markah)
6. Keadaan pembangunan yang tidak seimbang antara wilayah di kebanyakan negara di Dunia ini membuktikan betapa perlunya diadakan dasar-dasar pembangunan wilayah. Bahaskan dengan mengemukakan contoh-contoh tertentu.
(20 markah)

- oooOooo -